

HLB@SCHOOL

classroom
adventures.
EXPLORE • ENGAGE • EMPOWER

OKT 2023
EDISI 8



MEMBONGKAR RAHSIA PINJAMAN WANG DAN HUTANG

ANDA MUNGKIN BERTANYA-TANYA, APA ITU PINJAMAN?



Pinjaman adalah seperti mengambil sesuatu yang dimiliki oleh orang lain dengan persefahaman yang anda akan memulangkannya pada masa hadapan. Tetapi... sabar sebab dalam perjalanan artikel ini kita tidak bercakap tentang meminjam alat permainan ataupun buku; tetapi kita akan belajar satu perkara yang penting dalam dunia orang dewasa, iaitu pinjaman wang!

Orang dewasa selalunya membuat pinjaman wang apabila mereka ingin membeli rumah, kereta ataupun untuk mulakan sesuatu perniagaan. Tetapi, satu peraturan yang anda harus ingat ialah, apabila anda meminjam wang, anda berjanji untuk memulangkannya kelak kemudian.

BAYANGKAN..

Anda mempunyai seorang kawan yang memiliki sebuah gajet yang sangat menarik. Anda ingin menggunakan gajet tersebut, jadi anda memberanikan diri dan menanya kawan anda sekiranya anda boleh meminjam gajet tersebut untuk digunakan sebentar. Kawan anda pun memberarkan anda untuk menggunakan gajet tersebut! Anda berjanji untuk memulangkan kembali apabila anda selesai menggunakannya. Meminjam wang adalah sama seperti itu, anda perlu memulangkan wang yang dipinjam itu nanti.

APA MAKSUD HUTANG PULA?

HUTANG!

Apabila orang dewasa meminjam wang, mereka sedang membuat hutang. Hutang mengikat mereka dengan sesiapa yang telah meminjamkan wang tersebut. Sekiranya mereka memungkiri janji yang telah dibuat, mereka akan kehilangan kepercayaan yang diberi dan mungkin akan berdepan dengan masalah.



TUNGGU SEBENTAR! ADA LAGI PERKARA YANG ANDA HARUS TAHU TENTANG PINJAMAN.

TERDAPAT PELBAGAI JENIS PINJAMAN BAGI ORANG DEWASA:



PINJAMAN PERIBADI

Kadang-kala orang dewasa boleh membuat pinjaman peribadi wang dengan keluarga, rakan ataupun dengan bank. Mereka harus memulangkan wang tersebut dengan token yang dipanggil "faedah".



PINJAMAN RUMAH

Orang dewasa selalunya membuat pinjaman daripada bank untuk membeli rumah yang diidami. Mereka meminjam sejumlah wang dan berjanji untuk memulangkannya dalam tempoh masa beserta dengan "faedah".



PINJAMAN KERETA

Orang dewasa juga selalunya membuat pinjaman wang untuk membeli kereta. Selalunya mereka membayar kembali, sedikit demi sedikit dengan "faedah" tambahan.



KAD KREDIT

Dengan kad kredit, orang dewasa boleh membuat pembelian dengan mudah hanya dengan mengetuk atas peranti. Tetapi awas ya! Mereka haruslah membayar kembali wang yang digunakan dalam tempoh masa yang diberi dan sekiranya mereka tidak membuat sedemikian, ada sesuatu yang menunggu mereka, yang dipanggil sebagai "faedah".

APA ITU FAEDAH?

Faedah terikat dengan pinjaman. Ia merupakan satu cara anda berterima kasih kepada bank yang telah meminjamkan wang mereka kepada anda.

TETAPI APAKAH CARA UNTUK MENYELESAIKAN HUTANG?

Apabila wang dipinjam, ia selalu ada satu perjanjian untuk dibayar kembali dalam satu tempoh masa. Anda haruslah membuat pembayaran tetap pada setiap bulan, sampailah anda membayar balik keseluruhan hutang.

Ingin, biarpun meminjam duit amat menarik seperti mencari harta karun, amatlah penting untuk menggunakan perkhidmatan ini dengan bijak. Hanya membuat pinjaman apabila anda betul-betul perlu dan bukan hanya kerana anda hendak sesuatu. Anda juga boleh mempelajari cara untuk membuat simpanan wang ataupun membuat pilihan yang lebih murah daripada bergantung kepada pinjaman.